



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (37)

Tarikh : 13 Oktober 2015

SIARAN MEDIA

PPR Taman Rebana untuk golongan setinggan dan berpendapatan rendah

Port Dickson, 13 Oktober 2015 - Majlis Penyerahan Kunci Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Rebana, Ladang Siliau disempurnakan pada petang ini oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada petang ini.

2. PPR Taman Rebana ini adalah projek perumahan sebanyak 150 unit buah rumah teres, 1 unit dewan komuniti, 1 unit surau, 4 unit gerai makan, 1 unit pusat kitar semula dan taman permainan kanak-kanak adalah projek perumahan yang dicadangkan semasa pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Bagan Pinang (11 Oktober 2009) telah dimulakan pembinaannya pada 26 Mei 2010 dan siap pada 11 Oktober 2011.

3. Projek ini telah mendapat CCC pada 5 Jun 2013 telah dibina dengan kos sebanyak RM27,123,900.00 ini akan dijual kepada golongan setinggan dan berpendapatan rendah sebagaimana yang diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Mac 2015. Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemilihan Pembeli KPKT telah memuktamadkan 150 orang bakal pembeli. Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan juga telah mengangkat perkara tersebut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 6 Mei 2015 dan 13 Mei 2015.

4. Jabatan Perumahan Negara KPKT telah melantik Prokhas Sdn. Bhd sebagai ejen pengurusan jualan untuk tempoh 2 tahun mulai 5 oktober 2015. Penjualan PPR Ladang Siliau ini dijangka selesai pada akhir Disember 2015.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my